

28/08/2001

PM arah belanja semua RM3b

Saidon Idris

PETALING JAYA, Isnin - Semua kementerian dan agensi kerajaan diarah membelanjakan sepenuhnya peruntukan tambahan RM3 bilion di bawah pakej rangsangan ekonomi yang diumumkan Mac lalu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata setakat ini kira-kira RM200 juta sudah dibelanjakan.

"Ini tidak akan berjaya. Setiap orang mesti menyumbang usaha, jika tidak ia tidak akan berjaya sebagai pakej rangsangan.

"Kita perlu membelanjakan wang bagi menggerakkan ekonomi," katanya pada sesi dialog persidangan mengenai Dasar Wawasan Kebangsaan, Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8) dan Penswastaaan di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata demikian ketika ditanya langkah tambahan yang diambil kerajaan bagi mengatasi masalah ekonomi tempatan berikutan kelembapan ekonomi di Amerika Syarikat.

Kerajaan Mac lalu mengumumkan beberapa langkah mengekang kesan kelembapan ekonomi Amerika terhadap ekonomi Malaysia, termasuk mengumumkan peruntukan RM3 bilion sebagai tambahan kepada peruntukan RM28.8 bilion yang diumumkan dalam Belanjawan 2001.

Peruntukan tambahan itu bagi menggerakkan kegiatan ekonomi melalui sokongan perbelanjaan dalam negara bertujuan menampung kelembapan pasaran eksport berikutan masalah ekonomi di Amerika.

Sebahagian besar peruntukan tambahan itu dilaporkan bagi pelaksanaan projek sosioekonomi dan prasarana, meliputi pembinaan sekolah baru hingga pelaksanaan projek janakuasa elektrik hidro Bakun dan menaik taraf operasi pelabuhan.

Perdana Menteri berkata, selain pakej rangsangan fiskal berkenaan, kerajaan kini turut aktif meneroka pasaran baru bagi barang Malaysia.

Katanya, ada banyak pasaran baru berpotensi yang belum lagi diteroka oleh syarikat negara ini.

Perdana Menteri memberi contoh, ketika melawat Yemen dan Uganda baru-baru ini, beliau mendapati pasaran di negara berkenaan masih belum diteroka sepenuhnya walaupun peniaga kedua-dua negara menunjukkan minat mendalam terhadap keluaran Malaysia.

Sehubungan itu, usaha perlu dibuat bagi mengadakan urusan secara langsung dengan bakal pelanggan di negara berkenaan yang menyatakan kesukaran dalam memperoleh barang Malaysia secara terus kerana mereka terpaksa melalui orang tengah atau negara ketiga.

Menjawab pertanyaan lain, Dr Mahathir berkata, Malaysia tidak akan berganjak daripada sasarannya untuk mencapai pertumbuhan ekonomi purata tujuh peratus setahun bagi membolehkannya mencapai wawasan menjadi negara maju menjelang 2020.

Beliau berkata, dengan mendokong pendirian berani dan positif itu, Malaysia akan berusaha menyelesaikan masalah yang dihadapinya dalam menuju ke arah itu.

"Kita tidak boleh menyerah begitu saja sasaran kita tanpa melakukan usaha mengatasi masalah sosial," katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau percaya masalah sosial akan sentiasa ada apabila seseorang cuba melaksanakan perubahan, dan ia akan mengambil masa yang lama untuk membuat pengubahsuaian yang perlu.

"Tetapi kita tidak mampu berpatah balik. Kita perlukan rakyat mempelajari dan memahami apakah masalah dan apa yang perlu diselesaikan," katanya.

Dr Mahathir menegaskan, kadar pertumbuhan Malaysia adalah antara terpesat di dunia dan ini mempunyai kesan terhadap masyarakat, dengan sesetengah rakyat mampu mengendalikan masalah, manakala yang lain mendapatinya sukar.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan cuba menyelesaikan masalah itu, tetapi ia memerlukan sokongan rakyat, terutama apabila ia melaksanakan langkah yang kelihatan tidak popular.

"Adalah sukar untuk menjadi popular sepanjang masa dan kerajaan kadangkala perlu mengambil langkah tidak popular bagi kebaikan negara," katanya.

(END)